

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 2 NOVEMBER 2014 (AHAD)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Usahawan PKS perlu berinovasi untuk ke pasaran global	Utusan Malaysia
2.	Malaysia di landasan betul perkukuh inovasi	Berita Harian
3.	Industri dan penyelidik bina ekosistem inovasi mampam – Muhyiddin	Astro Awani
4.	Industri dan penyelidik bina ekosistem inovasi mampam	My News Hub
5.	Industri dan penyelidik bina ekosistem inovasi mampam – Muhyiddin	BERNAMA
6.	Gempa hampir Malaysia	Berita Harian
7.	Tornado to strike again	The Star
8.	Gempa bumi kuat melanda Kepulauan Fiji	BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 3
TARIKH : 2 NOVEMBER 2014 (AHAD)

Usahawan PKS perlu berinovasi untuk ke pasaran global

KUALA LUMPUR 1 Nov. - Usahawan tempatan digesa meningkatkan keupayaan operasi secara kos cekap, menerapkan agenda inovasi di dalam model perniagaan, teknologi reka bentuk pengeluaran serta pemasaran bagi membolehkan survival mereka dalam pasaran global dan tidak tertumpu kepada ekonomi domestik semata-mata.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, pasaran domestik semakin sengit dan mengecil justeru, usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tidak mempunyai pilihan lain kecuali berusaha ke arah lebih berinovasi serta bersaing untuk menembusi pasaran antarabangsa.

Menurut Muhyiddin, inovasi tidak terhad kepada mencipta sesuatu proses atau produk baharu sahaja tetapi turut mengguna pakai kemudahan dan teknologi sedia ada untuk menghasilkan impak yang signifikan dalam perniagaan.

"Hari ini, kerajaan telah menyediakan satu saluran berkesan menghubungkan usahawan PKS tempatan dengan pemilik-pemilik harta intelek agar teknologi sedia ada boleh dimanfaatkan secara lebih efisien.

"Kerajaan melalui Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan SME Corporation Malaysia (SME Corp.) telah menubuhkan inisiatif PlatCom Ventures pada April 2014 yang menyediakan Peluang Perniagaan Inovasi (PPI) bertujuan membantu usahawan dalam merealisasikan inovasi pada aktiviti perniagaan," katanya



MUHYIDDIN YASSIN bersama **Dr. Ewon Ebin** (lima dari kiri), **Dr. Abu Bakar Mohamad Diah** (tujuh dari kiri), **Noorul Ainur Mohd. Nur** (empat dari kiri) bersama pemenang menunjukkan tanda bagus pada majlis Malam Anugerah Inovasi Negara di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, malam tadi. - **MINGGUAN/SAIFUL BAHARI ASHARI**

ketika berucap merasmikan Majlis Anugerah Inovasi Negara di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, Datuk **Dr. Ewon Ebin**; Timbalannya, Datuk **Dr. Abu Bakar Mohamad Diah** dan Ketua Setiausaha kementerian, Datuk **Seri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur**.

Dalam majlis itu, Muhyiddin turut menyampaikan Anugerah Sains-tis Muda Negara kepada **Dr. Lim Jit**

Kang dari Universiti Sains Malaysia (USM) dan Anugerah Juruteknologi Negara kepada **Kasron Ahmad** dari Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Sementara itu, beliau turut menyerahkan Anugerah Inovasi Negara kepada empat pemenang iaitu Sekolah Kebangsaan Tarcisian Convent, Ipoh Perak (kategori sekolah), Projek Teknik Pengurusan Tanaman Padi Organik Sri Lovely (kate-

gori akar umbi), Projek Lower Limb Exerciser Unit Pemulihan Hospital, USM (kategori perkhidmatan) dan Projek Thermal De-Polimerization Process Of Plastic Waste Material bagi kategori produk.

Timbalan Perdana Menteri turut melancarkan portal padanan perniagaan eDirektori MOSTI bertujuan membantu usahawan tempatan mengembangkan perniagaan masing-masing.

Malaysia di landasan betul perkukuh inovasi

Kuala Lumpur: Timbalan Perdana Menteri berkata, Malaysia berada di landasan yang betul untuk memperkukuhkan agenda inovasi, khususnya menjana persekitaran yang kondusif dan responsif terhadap budaya inovatif dan kreativiti.

Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, perkara itu terbukti melalui pelbagai usaha yang dilaksanakan kerajaan dalam memperkasakan agenda inovasi negara.

Malah katanya, dalam Bajet 2015 kerajaan memperuntukkan hampir RM1.5 bilion untuk memperkasakan lagi ekosistem inovasi bagi menghasilkan inovasi dan penyelidikan yang boleh dikomersial, berkualiti dan praktikal.

Beliau berkata, kerajaan juga menyediakan peluang pembiayaan membangunkan cetusan idea kreatif dan inovasi berpotensi tinggi.

Peruntukan RM3.6 bilion

"Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) sehingga September 2014 peruntukan hampir RM3.6 bilion disediakan bagi memperkasakan penyelidikan, pembangunan dan komersilan (RD&C).

"Dari jumlah itu 4,206 projek dilaksanakan manakala 366 projek dikomersialkan dengan hasil jualan RM3.1 bilion.

"Jika dipuratakan setiap projek berjaya yang dikomersialkan menghasilkan jualan sebanyak RM8.5 juta," katanya ber-



Muhyiddin dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Ewon Ebin (tiga dari kiri) **bergambar bersama pelajar Sekolah Kebangsaan Tarcisan Convent, Ipoh, yang memenangi anugerah bagi kategori sekolah di PWTC, semalam.**

[FOTO ABDULLAH YUSOF/BH]

ucap pada Malam Anugerah Inovasi Negara (AIN) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, malam tadi.

Muhyiddin berkata, dalam RMKe-10 kerajaan meluluskan RM653.34 juta untuk membia-

yai 1,492 projek melalui dana Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi seperti ScienceFund, TechnoFund, InnoFund, Biotechnology Commercialisation Fund dan Technology Acquisition Fund.

Sementara itu, penyelidik dari Universiti Sains Malaysia, Dr Lim Jit Kang, dipilih penerima Anugerah Saintis Muda manakala Penyelidik MARDI, Kasron Ahmad menerima Anugerah Juruteknologi Negara.



Industri dan penyelidik bina ekosistem inovasi mampan - Muhyiddin



KUALA LUMPUR: Industri tempatan perlu lebih terbuka untuk berkongsi perkembangan semasa dan permasalahan mereka dengan penyelidik tempatan untuk membina ekosistem inovasi terbuka dan mampan, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Timbalan Perdana Menteri berkata dialog dua hala itu perlu menjadi satu kebiasaan bagi membina kepercayaan dan menjana pertukaran maklumat.

Justeru, saya berharap platform seperti Malaysia Laboratories For Academia-Business Collaboration (MyLAB) dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua yang terlibat, katanya ketika berucap pada

majlis Anugerah Inovasi Negara 2014 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, malam Sabtu.

MyLAB ditubuhkan tahun lepas dengan peruntukan RM80 juta bagi tujuan memperkukuhkan perkongsian bestari dan inovasi antara penyelidik di universiti dan industri.

Turut hadir, **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin dan timbalannya Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.**

Muhyiddin berkata kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada perkembangan sektor swasta kerana kekayaan dan pendapatan negara terhasil daripada peningkatan inovasi dan produktiviti sektor industri dan perniagaan.

Justeru, katanya adalah penting usahawan terutama Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME), yang mewakili hampir 98 peratus perniagaan di negara ini, turut sama meningkatkan komitmen dan usaha untuk memakmurkan budaya inovasi dan kreativiti.

Selain itu, beliau turut menggesa agar pembangunan penyelidikan dan agenda inovasi bukan semata-mata reaktif kepada masalah semasa, tetapi perlu dilihat secara proaktif untuk masa hadapan negara.

"Kita harus menjangka keperluan generas masa depan dan ini adalah amat penting untuk kesiapsiagaan negara untuk menjadi negara yang benar-benar ke hadapan sebagai pemangkin inovasi global," jelasnya.

Dari segi pemerkasaan agenda penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan (R,D&C), beliau berkata, sejumlah 239 projek bernilai RM2.76 bilion telah disemak sepanjang 2013 hingga 2014, dengan sebanyak 78 daripadanya bernilai hampir RM680 juta telah diurus perdanakan.

"Ini mencerminkan bahawa kerajaan turut melaksana urus tadbir yang menyeluruh dalam memastikan bahawa hasil R,D&C benar-benar memberi manfaat dan impak kepada pembangunan sosio ekonomi negara," kata Muhyiddin.

Menurutnya, Malaysia berada pada landasan yang betul dalam usaha memperkukuhkan agenda inovasi, khususnya menjana persekitaran yang kondusif dan responsif untuk merealisasikan budaya kreativiti dan inovasi yang mantap dan berterusan.

Muhyiddin berkata, melalui Bajet 2015, kerajaan memperuntukkan hampir RM1.5 bilion untuk memperkasa ekosistem tersebut bagi menjana dan meningkatkan hasil inovasi, penyelidikan serta pengkomersilan yang praktikal dan berkualiti.

Pada majlis ini, beliau menyampaikan Anugerah Saintis Muda Negara kepada pakar kejuruteraan kimia, Dr Lim Jit Kang dari Universiti Sains Malaysia (USM) dan Anugerah Juruteknologi Negara kepada Kasron Ahmad, dari bahagian mekanisme dan automasi Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi).

Mereka masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai RM20,000, sijil dan trofi.

Dalam kategori sekolah, Sekolah Kebangsaan Tarcisian Convent, Ipoh, Perak telah memenangi anugerah menerusi projek teknik pengurusan tanaman padi organik - Sri Lovely (kategori akar umbi), USM (kategori perkhidmatan) dan projek 'Thermal De-polymerisation Process of Plastic Waste Material' (kategori produk).

Pemenang bagi kategori produk dan kategori perkhidmatan membawa pulang wang tunai RM50,000 manakala pemenang kategori akar umbi menerima RM20,000 dan sekolah RM10,000.

Anugerah Inovasi Negara sempena Persidangan dan Pameran Inovasi Kebangsaan (NICE 2014) yang berlangsung tiga hari di PWTC bermula semalam.

Read more at: <http://www.astroawani.com/news/show/industri-dan-penyelidik-bina-ekosistem-inovasi-mampan-muhyiddin-47501?cp>



Industri Dan Penyelidik Bina Ekosistem Inovasi Mampan



KUALA LUMPUR – Industri tempatan perlu lebih terbuka untuk berkongsi perkembangan semasa dan permasalahan mereka dengan penyelidik tempatan untuk membina ekosistem inovasi terbuka dan mampan, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Timbalan Perdana Menteri berkata dialog dua hala itu perlu menjadi satu kebiasaan bagi membina kepercayaan dan menjana pertukaran maklumat.

Justeru, saya berharap platform seperti Malaysia Laboratories For Academia-Business Collaboration (MyLAB) dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua yang terlibat, katanya ketika berucap pada majlis Anugerah Inovasi Negara 2014 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, malam ini.

MyLAB ditubuhkan tahun lepas dengan peruntukan RM80 juta bagi tujuan memperkukuhkan perkongsian bestari dan inovasi antara penyelidik di universiti dan industri.

Turut hadir, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin dan timbalannya Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.

Muhyiddin berkata kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada perkembangan sektor swasta kerana kekayaan dan pendapatan negara terhasil daripada peningkatan inovasi dan produktiviti sektor industri dan perniagaan.

Justeru, katanya adalah penting usahawan terutama Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME), yang mewakili hampir 98 peratus perniagaan di negara ini, turut sama meningkatkan komitmen dan usaha untuk memakmurkan budaya inovasi dan kreativiti.

Selain itu, beliau turut menggesa agar pembangunan penyelidikan dan agenda inovasi bukan semata-mata reaktif kepada masalah semasa, tetapi perlu dilihat secara proaktif untuk masa hadapan negara.

“Kita harus menjangka keperluan generas masa depan dan ini adalah amat penting untuk kesiapsiagaan negara untuk menjadi negara yang benar-benar ke hadapan sebagai pemangkin inovasi global,” jelasnya.

Dari segi pemerkasaan agenda penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan (R,D&C), beliau berkata, sejumlah 239 projek bernilai RM2.76 bilion telah disemak sepanjang 2013 hingga 2014, dengan sebanyak 78 daripadanya bernilai hampir RM680 juta telah diurus perdanakan.

“Ini mencerminkan bahawa kerajaan turut melaksana urus tadbir yang menyeluruh dalam memastikan bahawa hasil R,D&C benar-benar memberi manfaat dan impak kepada pembangunan sosio ekonomi negara,” kata Muhyiddin.

Menurutnya, Malaysia berada pada landasan yang betul dalam usaha memperkukuhkan agenda inovasi, khususnya menjana persekitaran yang kondusif dan responsif untuk merealisasikan budaya kreativiti dan inovasi yang mantap dan berterusan.

Muhyiddin berkata, melalui Bajet 2015, kerajaan memperuntukkan hampir RM1.5 bilion untuk memperkasa ekosistem tersebut bagi menjana dan meningkatkan hasil inovasi, penyelidikan serta pengkomersilan yang praktikal dan berkualiti.

Pada majlis ini, beliau menyampaikan Anugerah Saintis Muda Negara kepada pakar kejuruteraan kimia, Dr Lim Jit Kang dari Universiti Sains Malaysia (USM) dan Anugerah Juruteknologi Negara kepada Kasron Ahmad, dari bahagian mekanisme dan automasi Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi).

Mereka masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai RM20,000, sijil dan trofi.

Dalam kategori sekolah, Sekolah Kebangsaan Tarcisian Convent, Ipoh, Perak telah memenangi anugerah menerusi projek teknik pengurusan tanaman padi organik – Sri Lovely (kategori akar umbi), USM (kategori perkhidmatan) dan projek ‘Thermal De-polymerisation Process of Plastic Waste Material’ (kategori produk).

Pemenang bagi kategori produk dan kategori perkhidmatan membawa pulang wang tunai RM50,000 manakala pemenang kategori akar umbi menerima RM20,000 dan sekolah RM10,000.

Anugerah Inovasi Negara sempena Persidangan dan Pameran Inovasi Kebangsaan (NICE 2014) yang berlangsung tiga hari di PWTC bermula semalam



Industri Dan Penyelidik Bina Ekosistem Inovasi Mampan - Muhyiddin



KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Industri tempatan perlu lebih terbuka untuk berkongsi perkembangan semasa dan permasalahan mereka dengan penyelidik tempatan untuk membina ekosistem inovasi terbuka dan mampan, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Timbalan Perdana Menteri berkata dialog dua hala itu perlu menjadi satu kebiasaan bagi membina kepercayaan dan menjana pertukaran maklumat.

Justeru, saya berharap platform seperti Malaysia Laboratories For Academia-Business Collaboration (MyLAB) dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua yang terlibat, katanya ketika berucap pada [majlis Anugerah Inovasi Negara 2014 di Pusat Dagangan Dunia Putra \(PWTC\)](#) di sini, malam ini.

MyLAB ditubuhkan tahun lepas dengan peruntukan RM80 juta bagi tujuan memperkukuhkan perkongsian bestari dan inovasi antara penyelidik di universiti dan industri.

[Turut hadir, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin dan timbalannya Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.](#)

Muhyiddin berkata kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada perkembangan sektor swasta kerana kekayaan dan pendapatan negara terhasil daripada peningkatan inovasi dan produktiviti sektor industri dan perniagaan.

Justeru, katanya adalah penting usahawan terutama Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME), yang mewakili hampir 98 peratus perniagaan di negara ini, turut sama meningkatkan komitmen dan usaha untuk memakmurkan budaya inovasi dan kreativiti.

Selain itu, beliau turut menggesa agar pembangunan penyelidikan dan agenda inovasi bukan semata-mata reaktif kepada masalah semasa, tetapi perlu dilihat secara proaktif untuk masa hadapan negara.

"Kita harus menjangka keperluan generas masa depan dan ini adalah amat penting untuk kesiapsiagaan negara untuk menjadi negara yang benar-benar ke hadapan sebagai pemangkin inovasi global," jelasnya.

Dari segi pemerkasaan agenda penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan (R,D&C), beliau berkata, sejumlah 239 projek bernilai RM2.76 bilion telah disemak sepanjang 2013 hingga 2014, dengan sebanyak 78 daripadanya bernilai hampir RM680 juta telah diurus perdanakan.

"Ini mencerminkan bahawa kerajaan turut melaksana urus tadbir yang menyeluruh dalam memastikan bahawa hasil R,D&C benar-benar memberi manfaat dan impak kepada pembangunan sosio ekonomi negara," kata Muhyiddin.

Menurutnya, Malaysia berada pada landasan yang betul dalam usaha memperkukuhkan agenda inovasi, khususnya menjana persekitaran yang kondusif dan responsif untuk merealisasikan budaya kreativiti dan inovasi yang mantap dan berterusan.

Muhyiddin berkata, melalui Bajet 2015, kerajaan memperuntukkan hampir RM1.5 bilion untuk memperkasa ekosistem tersebut bagi menjana dan meningkatkan hasil inovasi, penyelidikan serta pengkomersilan yang praktikal dan berkualiti.

Pada majlis ini, beliau menyampaikan Anugerah Saintis Muda Negara kepada pakar kejuruteraan kimia, Dr Lim Jit Kang dari Universiti Sains Malaysia (USM) dan Anugerah Juruteknologi Negara kepada Kasron Ahmad, dari bahagian mekanisme dan automasi Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi).

Mereka masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai RM20,000, sijil dan trofi.

Dalam kategori sekolah, Sekolah Kebangsaan Tarcisian Convent, Ipoh, Perak telah memenangi anugerah menerusi projek teknik pengurusan tanaman padi organik - Sri Lovely (kategori akar umbi), USM (kategori perkhidmatan) dan projek 'Thermal De-polymerisation Process of Plastic Waste Material' (kategori produk).

Pemenang bagi kategori produk dan kategori perkhidmatan membawa pulang wang tunai RM50,000 manakala pemenang kategori akar umbi menerima RM20,000 dan sekolah RM10,000.

Anugerah Inovasi Negara sempena Persidangan dan Pameran Inovasi Kebangsaan (NICE 2014) yang berlangsung tiga hari di PWTC bermula semalam.

-- BERNAMA

GEMPA HAMPIRI MALAYSIA

» Sesar aktif berhampiran negara mampu bawa kemusnahan

Oleh Rashiqa Ilimi Abd Rahim
rasyiqah@bh.com.my

Penduduk di negara ini perlu lebih bersedia kerana Malaysia dijangka tidak terlepas daripada mengalami kejadian gempa bumi pada masa akan datang.

Ia terbukti berdasarkan beberapa kejadian gempa bumi kecil yang berlaku hampir setiap bulan sehinggalah negara seperti Malaysia yang suatu ketika dulu asing dengan gegaran gempa, kini turut menerima tempiasnya.

Baru-baru ini, negara digemparkan lagi dengan satu gempa bumi yang lemah dengan kekuatan 4.4 skala Richter berlaku pada 1.40 petang di Pulau Banggi, Kudat. Bagaimanapun, Jabatan Meteorologi Malaysia melaporkan gempa bumi yang berpusat 328 kilometer di barat daya Palawan, Filipina dan 60 kilometer di timur laut Pitas, Sabah itu sebagai tidak menimbulkan ancaman tsunami.

Sesar aktif kerak bumi

Pakar Geo Strategis Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Dr Azmi Hassan berkata negara mungkin tidak terlepas daripada ancaman itu berikutan kewujudan beberapa sesar aktif di dalam kerak bumi.

Sesar adalah retakan sangat dalam di kerak bumi yang terjadi apabila perubahan isi padu atau bentuk jasad batuan yang terkumpul membuat batuan retak serta bergerak dan aktif jika proses pengumpulan daya berlaku secara berterusan.

Sekiranya pergerakan sesar aktif itu besar dan sampai di permukaan bumi, ia boleh menyebabkan perubahan fizikal pada muka bumi, seperti retakan memanjang yang mana daya perubahan isi padu pada batuan adalah hasil pergerakan dan interaksi plet bumi.

"Kewujudan sesar aktif di beberapa lokasi di negara ini menunjukkan ada kebarangkalian Malaysia akan mengalami gempa bumi berskala sederhana pada masa depan walaupun terletak di luar kawasan Lingkaran Api Pasifik.

"Namun, tidak semua tempat akan mengalaminya berbanding di Sabah yang ada zon sesar aktif dengan trend Barat Laut-Tenggara mengunjur dari Kundasang-Ranau-Pitas ke Lahad Datu-Kunak-Tawau," katanya ketika dihubungi BH Ahad.

Meskipun Sabah di antara negeri berisiko menerima gempa bumi, Azmi berkata ia tidak mungkin mengalami gempa bumi besar kerana terletak di Luar Lingkaran Api Pasifik.

Titik gempa beralih

Selain itu, Azmi berkata kekerapan kejadian gempa bumi sejak beberapa tahun kebelakangan ini juga dipercayai mengakibatkan kedudukan titik gempa di Sumatera, Indonesia beralih dan semakin menghampiri Malaysia.

"Ia tidak mustahil kerana titik gempa biasanya akan mengalami pergerakan sebanyak satu sentimeter setahun jika gempa bumi kerap berlaku di sesebuah kawasan," katanya.

Gempa bumi paling kuat pernah direkodkan di Malaysia ialah pada tahap sederhana dengan kekuatan 6.2 skala Richter di Lahad Datu, Sabah pada 1976 mengakibatkan banyak harta benda rosak serta bangunan retak.

Peta menunjukkan kedudukan Malaysia yang terletak berhampiran Lingkaran Api Pasifik menyebabkan ada kemungkinan turut menerima kesan jika berlaku gempa bumi kuat di negara jiran.

Kajian mendapati Malaysia akan turut bersiko menerima tempias gegaran dari semasa ke semasa sekiranya bencana alam yang teruk berlaku di Sumatera, Pulau Jawa dan Filipina.

KEJADIAN GEMPA BUMI DI MALAYSIA

- Ranau, Sabah
pada 1991
(5.1 skala Richter)
- Lahad Datu, Sabah
pada 1976
(6.2 skala Richter)
- Manjung, Perak
pada 29 April 2009
(2.8 skala Richter)
- Jerantut, Pahang
pada 27 Mac 2009
(3.2 skala Richter)
- Ranau, Sabah
pada 1 Februari 2014
(4.8 skala Richter)
- Pulau Banggi, Kudat
pada 29 Oktober 2014
(4.4 skala Richter)



KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 9
TARIKH : 2 NOVEMBER 2014 (AHAD)



11
JUTA
 GEMPA BUMI
 SETIAP TAHUN

80
PERATUS
 GEMPA BUMI DI JALUR
 LINGKARAN PASIFIK

150,000
GEMPA BUMI
 DIANGGAR SANGAT DAHSYAT
 TELAH DIREKODKAN

GEMPA BUMI KUAT MAMPU
 MEMBEBASKAN TENAGA SEHINGGA

10,000
KALI GANDA
 LEDAKAN BOM ATOM HIROSHIMA
 DAN NAGASAKI DI JEPUN

**KATEGORI
 GEMPA BUMI**
 (ukuran skala
 Richter)

Lemah:
 Kurang 5.0
 Sederhana:
 5 hingga 5.9
 Kuat: Lebih
 6.0

**GEMPA BUMI
 TERBURUK DI DUNIA**

- ⊙ **Haiti, 2010**
 Terburuk dalam sejarah moden dengan lebih 300,000 kematian dan 300,000 lagi cedera akibat gempa bumi dengan 7.0 skala Richter pada Januari 2010.
- ⊙ **Tangshan, China, 1976**
 Gempa bumi yang biasa di China, namun gegaran berukuran 7.5 magnitud menyebabkan kematian hampir 250,000 orang manakala 800,000 lagi cedera.
- ⊙ **Indonesia, 2004**
 Gempa bumi disertai tsunami yang melanda Asia Selatan dan Timur selepas gempa bumi dengan magnitud mencecah 9.1 skala Richter. Kerosakan paling teruk berlaku di Sumatera manakala angka kematian mencapai 230,210 orang dan beribu hilang serta cedera.
- ⊙ **Ningxia, China, 1920**
 Kira-kira 200,000 orang maut dalam gempa berukuran 7.8 magnitud yang mencapai penarafan kemusnahan jumlah tertinggi (XII) pada Skala Mercalli. Tanah runtuh susulan gempa memusnahkan kampung Sujiaye dalam Wilayah Xiji dan kerosakan di bandar-bandar Longde, Huining, Lanzhou, Taiyuan, Xi'an, Xining dan Yinchuan.
- ⊙ **Kanto, Jepun, 1923**
 Dipanggil sebagai "Gempa Bumi Besar Kanto" yang berlangsung selama empat minit. Berpusat di Teluk Sagami, gempa bumi itu menyebabkan kerosakan besar-besaran di Tokyo dan Yokohama. Gempa bumi itu juga menyebabkan kebakaran terbesar berlaku di Jepun dengan 142,000 terkorban.
- ⊙ **Szechuan, China, 2008**
 USGS menganggarkan kira-kira lima juta bangunan musnah dan 21 juta lagi rosak di wilayah Szechuan dan beberapa bahagian di Chongqing, Gansu, Hubei, Shaanxi dan Yunnan. Kos ekonomi gempa 7.9 magnitud itu dianggarkan berjumlah AS\$86 bilion (RM271.2 bilion) manakala angka kematian dicatatkan 90,000 orang.

'Tornado to strike again'

Weathermen: Phenomenon may occur in next two weeks

By OH CHIN ENG

chineng@thestar.com.my

ALOR SETAR: The mini tornado phenomenon may happen again in the country in the next two weeks, said National Weather Centre senior meteorological officer Dr Mohd Hisham Mohd Anip.

Although the chances were slim, he said it was due to the inter monsoon season which usually brought along thunderstorm and heavy rain.

"Now we are nearing the end of the season before we enter the north-east monsoon in the next two weeks.

"I believe mini tornadoes will occur again but the strength will be weaker and less intense as the monsoon is ending," he said when contacted yesterday.

On Friday evening, a twister hit Alor Setar, injuring at least two people and damaging 72 houses.

It was the second incident in Kedah after the first one which happened in Pendang on Oct 14.

Dr Mohd Hisham also said that



Back to normal: Children playing as usual at Kampung Sungai Baru, one of the areas affected by the mini tornado.

based on the observation at the weather station in Sultan Abdul Halim Airport some 15km away from where the twister hit, it was believed that the mini tornado was spinning at a speed of 50kph to 80kph at a range of 20m wide in diameter.

"It was smaller than the one which hit Pendang, which was about 50m wide in diameter and moved at the speed of 150kph."

Yesterday, the residents cleaned up their homes after Friday's mini tornado, which blew away rooftops, uprooted trees and damaged houses in Kampung Mergong Hilir, Kampung Batin, Taman Mergong Jaya, Taman Inang and Kampung Sungai Baru.

Siti Nur Maisarah, 12, was speechless when she saw the mini tornado.

"All this while, I had only seen it

on TV. But on Friday, I saw how the strong wind blew our roof away.

"When I ran out of my house, I saw the twister in a distance, with some objects flying right on top of it," she said when met at Kampung Sungai Baru yesterday.

Describing it as "scary and huge", Siti Nur said it was an unforgettable experience.

In Kampung Batin, lorry driver Azizan Abd Rani, 39, claimed he and his five-year-old son, whom he was carrying, were both sucked into the twister, before they landed in a padi field nearby.

"I was outside my house talking with my neighbours when I saw the tornado ripping off rooftops of houses about a kilometre away.

"I did not expect the twister to come towards my direction. Suddenly, I was blown into the padi field while my neighbours managed to cling on to some poles," he recounted.

The Meteorological Department's website said there would be thunderstorms in Kedah in the afternoon and night today.



Gempa Bumi Kuat Melanda Kepulauan Fiji

KUALA LUMPUR, 2 Nov (Bernama) -- Gempa bumi kuat berukuran 6.6 pada skala Richter melanda wilayah Kepulauan Fiji awal Ahad, demikian dilaporkan [Jabatan Meteorologi Malaysia](#).

Jabatan itu berkata dalam satu kenyataan bahawa gempa itu, yang berpusat di 438 kilometer dari tenggara Laucala, Fiji, berlaku pada 2.57 pagi.

Bagaimanapun, gempa itu tidak membawa ancaman tsunami, menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA